

## UNISSA, JHES METERAI MOU MEMPERKASA BIDANG HALAL

■ Siaran Akhbar dan Foto: Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal pada Majlis Penandatanganan MoU di antara UNISSA dan Jabatan Hal Ehwal Syariah bagi pemantapan dan pemerksaan bidang halal di Negara Brunei Darussalam.

**TUTONG**, Khamis, 2 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diwakili oleh Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diwakili oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) menandatangani dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) untuk rangka kerjasama dan

kolaborasi dua hala dalam perkongsian ilmu, penyelidikan dan penerbitan, bengkel dan kursus serta penempatan kerja khususnya dalam bidang halal semata-mata bagi memperluaskan ilmu ke arah pemantapan dan pemerksaan bidang halal di Negara Brunei Darussalam.

Penandatanganan MoU tersebut

disaksikan oleh Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Manakala MoU tersebut telah ditandatangani bersama oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban bagi pihak UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, dengan Pemangku

Pengarah JHES bagi pihak KHEU, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok.

Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban berperanan aktif dalam melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang sains halal berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang juga dijangka bakal menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan industri halal tempatan.

Menurutnya lagi, penandatanganan MoU berkenaan merupakan satu potensi yang sangat besar untuk memperkembang dan melangkaui manfaat ekosistem *upskilling* dan *reskilling*, di samping menghasilkan produk-produk pendidikan yang membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA.

Manakala Awang Haji Suhaimi, dalam ucapan balas beliau antara lain menjelaskan bahawa kerjasama tersebut adalah relevan dan selaras dengan strategik KHEU sebagai salah satu inisiatif ke arah menjayakan dan menjamin persekitaran halal di Negara Brunei Darussalam.

Beliau seterusnya berhasrat dengan kerjasama tersebut, UNISSA dan KHEU dapat memaksimumkan peluang berkenaan dengan kelebihan masing-masing dalam menerokai perkembangan inovasi dalam

sektor pembuatan dan perkilangan, kemajuan sains dan teknologi makanan, kajian-kajian akademik isu semasa halal dan fiqh muaasarah serta keyakinan terhadap pensijilan halal Brunei.

JHES, KHEU merupakan salah sebuah organisasi yang sangat penting dan mempunyai peranan yang menjadi perhatian di negara ini khususnya dalam bidang pengurusan dan pelaksanaan serta penguatkuasaan undang-undang halal.

Menerusi piagamnya untuk mempromosikan pensijilan halal dan menyebarkan kesedaran tentang halal untuk kebaikan masyarakat, maka Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban juga menyatakan hasrat turut serta bergabung dan sama-sama menyumbang bagi memelihara dan mempertahankan integriti pensijilan halal Majlis Ugama Islam Brunei demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Majlis tersebut diserikan lagi dengan Pembentangan Khas yang disampaikan oleh Pensyarah Adjung, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA, Profesor Madya To' Puan Dr. Nizaita binti Omar dengan tajuk pembentangan, 'Memperkasakan Produk dan Industri Makanan Halal berteraskan Maqasid Shariah'.

Turut hadir bagi menyaksikan penandatanganan MoU tersebut adalah Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Serudin bin Haji Timbang.